

# Luka bernanah

>>Oleh Kalidevi Mogan  
Kumarappa dan Siti Nor  
Hidayatidayu Razali

am@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: "Nanah keluar dari puting payudara saya sejak hari kejadian dan kini baru luka itu mulai kering," kata seorang guru dikenali sebagai Ng, 25, yang terkena simbahan asid dibaling seorang lelaki tidak dikenali, pada 26 Mac lalu.

Ng yang juga mangsa ke-12 kejadian simbahan asid itu berkata, pada hari kejadian kira-kira jam 7 pagi, dia yang sedang melalui kawasan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) Vivekanda di Brickfields, di sini, tiba-tiba dibaling sejenis cecair oleh seorang lelaki bermotosikal tidak dikenali hingga mengalami kecederaan parah di dada.

Katanya, akibat kejadian itu, dia memohon untuk berpindah ke sekolah lain kerana takut untuk melihat tempat kejadian selain trauma ketika mendekati objek panas.

"Saya tidak dapat mengecam suspek kerana diserang dari belakang hingga membuat saya tidak dapat tidur pada waktu malam selain takut apabila mendengar bunyi motosikal.

"Kini, harapan saya hanya untuk keluar dari Kuala Lumpur bagi meneruskan kehidupan seperti biasa hingga kecederaan ini pulih," katanya.

Menurutnya, dia berharap



**DERITA...Rohainah cedera di muka kiri dan leher.**

pihak berkuasa memperbanyakkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan bandar bagi memudahkan pengawasan dijalankan.

"Saya mahu lelaki yang tidak bertanggungjawab itu ditahan segera dan dikenakan hukuman setimpal dengan perbuatan dilakukan," katanya.

Mangsa ke-10, Rohainah

Hussin, 30, yang terkena simbahan asid di muka kiri dan leher pada 25 Mac lalu berkata, dia hanya berasa panas pada muka dan leher selepas seorang lelaki bermotosikal membaling sejenis cecair ke arahnya dan rakan ketika mereka menuju ke kereta rakkannya berhampiran tempat letak kereta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Brickfields.

Katanya, dia mengalami kecederaan parah dan kemungkinan buta akibat kejadian berkenaan.

"Saya mahu tindakan tegas diambil kepada suspek kerana kebanyakan mangsa mengalami kecederaan teruk dan cacat seumur hidup," katanya.

Beliau berkata, rakan yang berada di sebelah juga terkena tempias cecair itu di muka, tetapi kecederaannya tidak serius.

"Selepas kejadian, saya hanya mampu meminta tolong sebelum berlari bersama rakan ke arah paip berdekatan untuk membasuh muka," katanya

Perbuatan lelaki menyimbah asid bermula pada 2 Mac lalu selepas lapan murid tahun enam termasuk empat murid perempuan yang sedang menunggu bas di hadapan sekolah mereka di Bangsar, di sini, dibaling cecair dipercayai asid oleh seorang lelaki bermotosikal hingga cedera pada muka dan badan.

Suspek yang menunggang motosikal Yamaha Legenda dikatakan melarikan diri sebaik melempar bungkusan plastik cecair itu kepada mangsa.

Dalam kejadian lain pada 26 Mac pula, sepasang kekasih warga Perancis yang melancong ke negara ini turut menjadi sasaran lelaki itu ketika di Jalan Conlay, kira-kira jam 3 petang hingga kedua-duanya mengalami radang kulit.